

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/1992

Oktober/November 1991

BBT 443/3: BOTANI EKONOMI

Masa: [3 jam]

Jawab LIMA daripada ENAM soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

(BBT 443/3)

1. Bagaimanakah bermulanya idea revolusi hijau?

Bincangkan buruk baik apa yang berlaku ekoran daripada pengenalan konsep revolusi hijau yang diperkenalkan di dalam tahun 60an.

(20 markah)

2. Wawasan 2020 merupakan satu matlamat negara untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara perindustrian. Apakah strategi dan langkah-langkah yang harus diambil untuk meningkatkan hasil pertanian bagi menampung penduduk Malaysia yang dianggarkan ketika itu seramai 70 juta orang dan penumpuan pekerjaan akan berpindah ke sektor pembuatan?

(20 markah)

3. "Malaysia dianggap sebagai salah satu kawasan pusat asal usul pertanian". Bincangkan pernyataan di atas.

(20 markah)

4. Apakah sumber genetik tumbuhan? Mengapakan kevariabelan genetik penting untuk tumbuhan ekonomik? Apakah sebab utama hakisan kevariabelan pada masakini? Bagaimanakah sumber genetik tumbuhan boleh dikekalkan?

(20 markah)

(BBT 443/3)

5. Tuliskan nota ringkas tentang penggunaan dan kepentingan ekonomi:

- (i) steroid-steroid daripada tumbuh-tumbuhan
- (ii) alkaloid-alkaloid candu
- (iii) minuman-minuman berfermentasi
- (iv) rempah dari kawasan tropika
- (v) minyak daripada tumbuh-tumbuhan

(20 markah)

6. Apakah getah? Nyatakan tumbuh-tumbuhan utama yang mengeluarkan getah? Jelaskan ciri-ciri getah yang terdapat daripada spesies tumbuhan yang berlainan? Bagaimanakah pengeluaran getah daripada pokok Hevea brazilensis boleh ditingkatkan?

(20 markah)

-ooo0ooo-